

Malaysia jadi ahli Tabung Kemudahan Alam Sekitar Sejagat

17

RIO DE JANEIRO 15 Jun — Malaysia akan menjadi ahli tabung Kemudahan Alam Sekitar Sejagat (GEF) yang merupakan tabung terpenting untuk melaksanakan Agenda Pembangunan Berterusan Abad Ke-21 (Agenda 21).

Bercakap kepada para wartawan tempatan di sini semalam, hari terakhir Persidangan Alam Sekitar dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCED), Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata:

"Negara-negara Utara bersetuju bahawa tabung tersebut perlu dikendalikan dengan lebih terbuka dan dengan lebih banyak suara, sebab itu kita akan menjadi ahli GEF.

"Saya belum lagi mendapat persetujuan dari Kabinet, tetapi kita akan sumbang bahagian (membayar yuran keahlian) kita."

Perdana Menteri berpendapat, tabung alam sekitar itu perlu membuka keahliannya kepada semua termasuk negara-negara yang miskin yang merupakan penerima-penerima utama bantuan dari tabung berkenaan.

Beliau berkata: "Kita berpendapat bahawa semua negara mesti menjadi anggota GEF kerana tabung tersebut sepatutnya dibuka kepada semua.

"Siapa yang boleh bayar

yuran keahlian boleh bayar dan siapa yang boleh bayar lebih, bayar lebih," ujarnya.

Mengenai usaha beberapa negara maju menghalang penglibatan negara-negara membangun dalam GEF, Perdana Menteri berkata, usaha tersebut tidak wajar dan tidak adil.

"Mereka tidak beritahu sama ada kita mempunyai kuasa untuk kawal pengeluaran gas karbon dioksida yang mereka hasilkan, tetapi jika mereka beri kita hak mengawal industri mereka, maka bolehlah mereka mempunyai hak mengawal tabung mereka," tambahnya.

Ditanya sama ada Malaysia ada menerima tawaran untuk menjadi pengerusi Suruhanjaya untuk Pembangunan Berterusan, Dr. Mahathir menjelaskan bahawa beliau tidak tahu-menahu tentang tawaran seperti itu.

Katanya, jika ada negara-negara yang mahu Malaysia terlibat dalam suruhanjaya tersebut, negara ini tidak akan keberatan untuk melibatkan diri.

Beliau turut menegaskan, kesediaan negara-negara ASEAN yang lain menandatangani Konvensyen Perubahan Iklim dan Keengganan kerajaan Malaysia menandatangani konvensyen tersebut tidak menunjukkan sebarang ketidaksetujuan.

"Pendirian kita lebih tegas kerana kita mahu satu program yang menentukan secara jelas had pengurangan kadar gas yang mengakibatkan kesan rumah hijau," jelasnya.

Mengenai kepelbagaian biologi pula, Perdana Menteri berkata, Malaysia menandatangani sebuah konvensyen mengenainya kerana ia menepati kehendak mengekalkan hak terhadap kepelbagaian biologi negara.

Katanya: Kita berhak ke atas biodiversiti kita dan siapa yang hendak menggunakan bioiversiti negara kita perlulah bayar royalti kepada kita."

Tentang kegagalan negara-negara miskin mendapatkan komitmen kewangan dari negara-negara kaya, Dr. Mahathir memberitahu, Utara cuba meletakkan kesalahan tersebut di atas bahu negara-negara miskin.

"Utara menuduh Selatan bahawa kita menyalahgunakan wang yang diberikan kepada negara-negara Selatan. Sekiranya mereka berpendapat demikian, mereka boleh membuat pengawasan.

"Sebenarnya, Utara cuba menyalahkan Selatan atas keengganan mereka untuk membayar apa yang telah mereka janjikan 20 tahun lalu," tegasnya.- Utusan.